

Set 1

1) Seorang pelabur boleh memperolehi pinjaman daripada institusi kewangan untuk tujuan pelaburan dalam UA. En B ingin melabur sebanyak RM 80,000 ke dalam SUA Ekuiti. Andaikan beliau telah membuat pinjaman dengan margin maksimum, berapakah amanah pelaburan yang harus ditambah oleh beliau?

- A. 27,400
B. 26,400
C. 28,400
D. 29,400

Jawapan B

Margin pinjaman kepada penilaian pinjaman maksimum = 67%
Baki yang harus ditambah sendiri = 33%
 $33\% \times RM\ 80,000 = RM\ 26,400$

2) Berikut adalah peranan PEUA, kecuali;

- A. Memberitahu pelabur mengenai struktur SUA dan hak mereka sebagai pemegang unit.
B. Bertanggungjawab secara jujur dan bernaruah terhadap permintaan pelanggan.
C. Memaksa pelanggan melabur untuk mendapatkan ganjaran daripada pelaburan mereka.
D. Menambah pengetahuan tentang produk

Jawapan C

PEUA tidak sepertutnya memaksa pelanggan melabur untuk mendapatkan ganjaran daripada pelaburan pelabur bagi kepentingan diri.

3) Antara yang berikut, yang manakah boleh digunakan untuk mengukur SUA di Malaysia?

- I. Tanda Aras

II. Jumlah pulangan bagi pelbagai tempoh masa

III. Jadual prestasi

IV. Alokasi aset

- A. I dan II
B. I, II dan III
C. I, III dan IV
D. Semua yang diatas

Jawapan B

Aset Alokasi bukan merupakan salah satu kaedah pengukuran prestasi SUA di Malaysia. Ia merupakan amalan penyebaran portfolio pelaburan dalam pelbagai aset pelaburan, bagi mengurangkan tahap risiko untuk disesuaikan dengan risiko yang boleh ditanggung oleh pelabur.

4) Semua yang memasuki industri unit amanah dengan niat untuk memasar dan mengagih unit amanah dikehendaki memenuhi keperluan oleh PPUAM. Berdasarkan kepada Garis Panduan Pemasaran & Pengagihan SUA, pernyataan yang manakah TIDAK BENAR?

- A. Tanpa prospektus SUA, orang yang berdaftar tidak dibenarkan untuk memasar dan mengagih unit amanah.
B. Orang yang berdaftar dengan SPUA dan menerima kad kuasa dari SPUA, dibenarkan untuk mula menjual dana unit amanah.
C. Orang yang berdaftar mesti membawa bersama kad kuasa apabila pergi berjumpa prospek.
D. Sesiapa yang berminat untuk memasar dan/atau mengagih unit mestilah sekurang-kurangnya berumur 21 tahun.

Jawapan B

PEUA mestilah berdaftar dengan PPUAM dan setelah menerima kad kuasa daripada PPUAM barulah boleh mula menjual.

- 5) Untuk mengurangkan lagi risiko terhadap pelabur dalam SUA, Suruhanjaya Sekuriti menetapkan pendedahan maksimum terhadap portfolio SUA kepada pelaburan tertentu. Had tersebut mungkin dalam bentuk pendedahan kepada pengeluar tunggal, sesuatu kelas sekuriti atau kumpulan syarikat. Sekatan pelaburan terhadap pendedahan maksimum dalam syarikat tunggal adalah untuk;
- A. Menetapkan amaun maksimum dana tersebut dibenarkan untuk melabur di dalam mana-mana kumpulan syarikat
 - B. Memaksimumkan pengumpulan sumber dari Malaysia yang dilaburkan di Malaysia
 - C. Menghadkan keburukan melabur dalam satu saham tunggal
 - D. Menyekat semua amaun tabung untuk dilaburkan di pasaran luar negara

Jawapan C

Dengan menghadkan pendedahan, portfolio SUA secara tidak langsung dipelbagaikan kepada satu bidang pelaburan yang luas (Bab 2, muka surat 2-11)

- 6) Berikut merupakan ciri-ciri SUA Syariah, kecuali ;
- A. Objektif utama SUA Syariah (SUA Islam) adalah untuk menyediakan satu cara alternatif bagi pelabur yang sensitif terhadap keperluan Syariah.
 - B. Pulangan dari SUA Syariah akan mengelakkan riba' & gharar
 - C. SUA Syariah akan mengecualikan stok-stok dari syarikat yang terlibat dalam aktiviti, produk atau perkhidmatan berkaitan dengan perbankan, insurans dan perkhidmatan kewangan konvensional, perjudian, minuman beralkohol dan produk makanan tidak halal.
 - D. Yuran Syariah dibayar oleh pelabur sendiri apabila melabur dalam SUA Syariah

Jawapan D

Yuran Syariah tidak dibayar oleh pelabur tetapi oleh syarikat pengurusan.

- 7) “Peningkatan pelaburan” dalam SUA bermaksud
- A. Melabur dalam SUA melalui pinjaman untuk memperolehi pendedahan pelaburan yang maksimum, dengan harapan kadar pulangan daripada pelaburan dalam SUA akan melebihi kos pinjaman, dengan yang demikian menghasilkan keuntungan tambahan.
 - B. Mengurangkan risiko pelaburan terutamanya dalam unit amanah
 - C. Menggunakan kaedah purata kos dolar untuk mengurangkan kos seunit
 - D. Meminjamkan wang kepada pelabur yang ingin mendapatkan pendedahan pelaburan yang maksimum untuk memastikan pertumbuhan aset tersebut.

Jawapan A

Untuk memaksimumkan pulangan pelaburan yang berpotensi, ada antara pelabur yang melabur dalam SUA melalui pinjaman, dengan harapan kadar pulangan daripada pelaburan dalam SUA akan melebihi kos pinjaman, dengan yang demikian menghasilkan keuntungan tambahan. Ini dikenali sebagai peningkatan pelaburan dalam SUA. (Bab 1, muka surat 1-6)

- 8) Pernyataan di bawah adalah mengenai NPP sebuah SUA, kecuali ;
- A. Dalam pengiraan NPP, yuran juruaudit dianggap sebagai salah satu daripada perbelanjaan SUA
 - B. NPP menunjukkan yuran & perbelanjaan yang ditanggung oleh SUA bagi sesuatu tahun
 - C. Formula NPP = (yuran + perbelanjaan yang dituntut balik) X 100
Saiz Purata Tabung
 - D. Lebih rendah NPP, lebih rendah pulangan yang akan diperolehi oleh pelabur daripada dana tersebut.

Jawapan D

Lebih rendah NPP menunjukkan sesebuah SPUA mungkin mengurus kos operasinya dengan cekap untuk saiz tabungnya. (Bab 1, muka surat 1-32)

- 9) Pulangan tahunan terkompaun menunjukkan kadar pulangan kompaun tahunan yang dicapai oleh sesuatu pelaburan bagi tempoh pemegangannya. Andaikan seorang pelabur telah melabur sekali gus sebanyak RM250,000 di dalam SUA X yang memberikan jumlah pulangan 80% bagi tempoh 10 tahun. Kira apakah pulangan tahunan terkompaun bagi SUA X untuk tempoh 10 tahun tersebut ?

- A. 6.05 %
B. 7.02%
C. 9.05%
D. 8.02%

Jawapan A

$$\begin{aligned} \text{Modal} &= \text{RM } 250,000 \\ \text{Keuntungan (80\%)} &= \text{RM } 200,000 \\ \text{FV (nilai akan datang)} &= \text{RM } 450,000 \\ \text{PV (nilai semasa)} &= \text{RM } 250,000 \\ i = \text{kadar Pulangan} & \\ n = \text{tempoh, 10 tahun} & \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{FV} &= \text{PV} (1+i)^n \\ \text{RM } 450,000 &= \text{RM } 250,000 (1+i)^{10} \\ 1.8 &= (1+i)^{10} \\ 10\sqrt{1.8} &= (1+i) \\ 1.0605 &= 1+i \\ i &= 6.05\% \end{aligned}$$

- 10) Pada akhir tahun SUA S, pengurus tabung menjual pelaburan pada pulangan kasar RM2,653,843 dan membeli pelaburan tambahan dengan kos kasar RM946,632. Purata saiz dana pada tahun tersebut adalah RM5,244,789. Kira NPGP bagi tahun berakhir 31 Disember 200X.

- A. 0.26 kali
B. 0.33 kali
C. 0.34 kali
D. 0.25 kali

Jawapan C

$$\begin{aligned} \text{NPGP} &= \frac{\text{jumlah perolehan pelaburan} + \text{jumlah jualan pelaburan}}{\text{Saiz purata tabung}} \\ \text{NPGP} &= \frac{\frac{1}{2} \times [946-632 + 2,653,843]}{5,244,789} \\ &= 0.34 \text{ kali (34\%)} \end{aligned}$$

- 11) Mengikut surat ikatan SUA, biasanya SPUA layak menerima yuran pengurusan tahunan. Apakah yuran pengurusan tahunan?

- A. Yuran berdasarkan Harga Jualan dana tersebut yang dibayar oleh pemegang unit kepada pengurus unit amanah bagi pengurusan berterusan dana unit amanah tersebut.
B. Yuran yang berdasarkan NAB kasar dana yang dibayar oleh pemegang unit kepada Pemegang Amanah untuk pengurusan berterusan
C. Yuran yang berdasarkan NAB kasar dana yang dibayar oleh pemegang unit kepada pengurus unit amanah untuk pengurusan berterusan dana unit amanah tersebut
D. Yuran yang berdasarkan NAB dana yang dibayar oleh pemegang unit kepada pengurus amanah untuk pengurusan berterusan dana unit amanah tersebut

Jawapan C

Mengikut surat ikatan SUA, biasanya SPUA layak menerima yuran pengurusan tahunan yang dikira berdasarkan NAB kasar bagi SUA. Yuran ini dibayar daripada aset SUA, dan ditanggung oleh pelabur berdasarkan bilangan unit yang dipegang oleh mereka. (bab 1, muka surat 1-30)

Soalan 12 dan 13

- 12) NAB bagi dana ABC ialah RM250,000 manakala unit dalam edaran adalah 1,000,000. Kira NAB seunit bagi dana ABC.

Set 1 BM Questions & Answers 010808

- A. RM0.25
B. RM0.27

- C. RM0.24
D. RM0.23

Jawapan A

$$\begin{aligned} \text{NAB/Unit} &= \text{RM } 250,000 / 1,000,000 \\ &= \text{RM } 0.25 \end{aligned}$$

- 13) Andaikan En.Z hendak melabur RM32,000 ke dalam dana ABC. Kira jumlah unit yang akan beliau perolehi daripada pelaburan tersebut.(bayaran perkhidmatan awal dibayar berasingan)

- A. 118,518.52 unit
B. 128,000.00 unit
C. 133,333.33 unit
D. 139,130.43 unit

Jawapan B

$$\begin{aligned} \text{Bil unit yang diperolehi} &= \frac{\text{Jumlah Pelaburan}}{\text{NAB/ unit}} \\ &= \frac{\text{RM } 32,000}{\text{RM } 0.25} \\ &= 128,000.00 \text{ unit} \end{aligned}$$

- 14) Kira yuran pemegang amanah yang dikenakan dari pengiraan NPP untuk dana A.

Yuran Juruaudit	RM 200
Yuran Pengurusan	RM15, 000
Kos pencetakan laporan tahunan	RM 500
Kos pencetakan laporan interim	RM 500
Perbelanjaan lain	RM 5,000
Yuran Pemegang Amanah	?

Purata Saiz Dana ialah RM1,500,000 dan NPP ialah 1.47%.

- A. RM800
B. RM850

- C. RM700
D. RM750

Jawapan B

$$\begin{aligned} \text{NPP} &= [\underline{\text{yuran + perbelanjaan yang dituntut balik}}] \times 100 \\ &\quad \text{Saiz purata tabung} \end{aligned}$$

$$1.47\% = \frac{[\text{RM } 200 + 15,000 + 500 + 500 + \text{Yuran PA}]}{\text{RM } 1,500,000}$$

$$1.47\% = \frac{[\text{RM } 21,200 + \text{Yuran PA}]}{\text{RM } 1,500,000}$$

$$\text{RM } 22,050 = \text{RM } 21,200 + \text{Yuran PA}$$

$$\text{Yuran PA} = \text{RM } 22,050 - \text{RM } 21,200$$

$$\text{Yuran PA} = \text{RM } 850$$

- 15) Sebuah SPUA mengumumkan pecahan unit 1:10. NAB sebelum pecahan unit adalah RM500,000,000 dan unit dalam edaran sebelum pecahan unit adalah 250,000,000 unit. Apakah NAB seunit selepas pecahan unit?

- A. RM 1.71
B. RM 1.70
C. RM1.80
D. RM1.82

Jawapan D

NAB sebelum pecahan unit	RM500,000,000
Unit dalam edaran	250,000,000 unit
NAB seunit	RM2.00
NAB selepas pecahan unit	RM500,000,000
Unit dalam edaran selepas pecahan (250,000,000 + 25,000,000)	275,000,000 unit
NAB seunit selepas pemisahan unit	RM1.82

Soalan 16 dan 17

16) _____ adalah yuran yang dikenakan oleh SPUA kepada pelabur dalam SUA yang menjual unitnya dalam SUA tersebut.

- A. Yuran Keluar
- B. Harga Tawaran Awal
- C. Bayaran Perkhidmatan Awal
- D. Yuran Pengurusan Tahunan

Jawapan A

17) NAB bagi dana XYZ adalah RM380,000 dan unit dalam edaran adalah 1,400,000. Andaikan En B hendak menjual unitnya, kira amaun yang akan diterima sekiranya beliau menjual 15,000 unit. (Guna 3 titik perpuluhan untuk pengiraan).

- | | |
|------------|------------|
| A. RM3,750 | C. RM3,600 |
| B. RM4,065 | D. RM3,450 |

Jawapan B

$$\begin{aligned}
 \text{NAB/Unit} &= \text{RM}380,000 / 1,400,000 \\
 &= \text{RM}0.271 \text{ (3 titik perpuluhan)} \\
 \text{Jumlah jualan balik} &= \text{Unit jualan} \times \text{NAB/Unit} \\
 &= 15,000 \text{ unit} \times \text{RM}0.271 \\
 &= \text{RM} 4,065.00
 \end{aligned}$$

18) "SUA ini mengandungi sekurang-kurangnya 75% pendedahan dalam pelaburan harta tanah, syarikat satu tujuan, aset berkaitan dengan harta tanah atau aset mudah tunai; dengan sekurang-kurangnya 50% daripada aset dilaburkan dalam harta tanah atau syarikat satu tujuan dan baki 25% daripada aset boleh dilaburkan dalam aset berkaitan dengan harta tanah, aset berkaitan dengan bukan harta tanah atau sekuriti bersandarkan aset.

Antara berikut yang manakah menggambarkan SUA di atas?

- A. SUA "Managed"
- B. APHT yang tersenarai
- C. SUA Islam
- D. SUA Ekuiti

Jawapan B (Bab 2, muka surat 2-13)

19) Apakah keperluan untuk kelayakan bagi individu yang diberi kuasa ?

- I sekurang-kurangnya berumur 21 tahun
- II memiliki sekurang-kurangnya Gred 3 dalam SPM, atau yang setaraf dengannya seperti yang ditetapkan oleh SS atau Organisasi Pengawalseliaan Sendiri yang diiktiraf.
- III mestilah terlebih dahulu lulus peperiksaan yang dijalankan oleh SS atau organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf.
- IV bukan seorang ejen insurans / insurans hayat

- | | |
|-------------|----------------------|
| A. I,II,III | C. I, III |
| B. I,II,IV | D. Semua yang diatas |

Jawapan A

PEUA boleh menjadi ejen insurans dan bukan merupakan keperluan dari Persekutuan. (Bab 2, muka surat 2-22)

20) PEUA Y mengetahui bahawa memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelabur adalah sangat penting. Kejayaan perhubungan beliau boleh diukur secara kualitatif yang digambarkan melalui tindakan yang berikut kecuali :

- A. Kualiti perkhidmatan berterusan yang baik melalui servis dan laporan kepada pelabur
- B. Tidak menghiraukan tuntutan dan permintaan yang dibuat oleh pelabur
- C. Memudahkan bagi mana-mana transaksi yang boleh dibuat
- D. Tahap pengetahuan yang mendalam oleh kakitangan SPUA, PIUA dan PEUA.

Jawapan B

Ia sepatutnya – responsif terhadap tuntutan dan permintaan yang dibuat oleh pelabur (Bab 1,muka surat 1-37)

- 21) Pelabur F merupakan pelabur kali pertama dan telah melabur ke dalam dana XYZ melalui PEUA B, pada hari Selasa 2 Mei 2006. Setelah pulang ke rumah, beliau bertemu dengan rakan-rakan yang berpengalaman dalam pelaburan SUA. Semasa perbincangan bersama rakan, beliau mendapati bahawa beliau tidak memahami sepenuhnya mengenai pelaburan yang dibuat dan merasa telah dikelirukan oleh PEUA B dengan memberikan fokus yang lebih terhadap prestasi lampau SUA XYZ. Apakah nasihat yang anda boleh berikan kepada pelabur F ?

- A. Pelabur F tidak boleh berbuat apa-apa kerana telah melabur
- B. Pelabur F patut menunggu masa yang sesuai untuk menebus balik segala pelaburannya.
- C. Pelabur F layak menggunakan hak untuk tempoh menunggu yang merupakan peluang kepada dirinya untuk menimbang semula pelaburannya.
- D. Pelabur F seharusnya menghentikan perkhidmatan PEUA B dengan serta merta.

Jawapan C

Untuk melindungi pelabur yang mungkin telah membeli unit tanpa memahami sepenuhnya SUA yang dibeli, atau yang mungkin telah dikelirukan oleh PEUA, SUA telah menetapkan syarat ke atas SPUA satu obligasi untuk memberi pelabur satu peluang untuk menimbang semula pembeliannya. (Bab 3,muka surat 3-6)

- 22) Pemegang unit Z yang telah melabur dalam SUA B, menerima Laporan Tahunan mengenai prestasi SUA B. Berikut merupakan isi kandungan utama Laporan Tahunan yang akan beliau perolehi KECUALI

- I. Purata pulangan tahunan kepada pelabur untuk tempoh 1, 3 & 5 tahun dan sejak dilancarkan
- II. Matlamat & dasar pelaburan SUA B
- III. Laporan Juruaudit
- IV. Pernyataan Pendedahan Risiko
- V. Hak untuk Tempoh Menunggu

- A. II dan IV
- B. I, II dan III
- C. III, IV dan V
- D. IV dan V

Jawapan D

Pernyataan Pendedahan Risiko ditandatangan oleh pelabur untuk membuktikan PEUA telah menerangkan sepenuhnya kepada pelabur tentang risiko yang dihadapi apabila pelabur menambah pelaburannya. PEUA dikehendaki melampirkan salinan asal Pernyataan Pendedahan Risiko yang ditandatangani oleh pelabur semasa permohonan unit, yang kemudian akan difailkan oleh SPUA untuk tujuan rekod dan pemeriksaan, dan akan menyerahkan satu salinannya kepada pelabur. (Bab 3, muka surat 3-10,3-21,3-22)

Hak untuk Tempoh Menunggu tidak termasuk dalam Laporan Tahunan, tetapi mestilah dinyatakan dalam prospektus SUA (Bab 3,muka surat 3-6)

- 23) SPUA akan menentukan (dengan persetujuan pemegang amanah) jumlah pendapatan SUA yang akan diagihkan. Amaun yang ada untuk diagih daripada SUA mungkin merangkumi hanya keuntungan/pendapatan terealisasi dan selepas menolak perbelanjaan dan cukai. Manakah antara berikut merupakan keuntungan/pendapatan terealisasi?
- A. Pendapatan dividen & faedah yang diterima
 - B. Pendapatan lain yang diterima
 - C. Keuntungan modal terealisasi daripada penjualan pelaburan
 - D. Semua yang di atas

Jawapan D

Pendapatan atau keuntungan terealisasi merangkumi pendapatan dividen yang diterima, pendapatan faedah yang diterima, pendapatan lain yang diterima, keuntungan modal terealisasi daripada penjualan pelaburan selepas menolak perbelanjaan dan cukai. (Bab 3, muka surat 3-11)

Soalan 24 & 25

- 24) Sebelum 1 Januari 2007, Azmi mempunyai RM189,345 di dalam Akaun 1, RM94,672.50 dalam Akaun 2, dan RM31,557.50 dalam Akaun 3. Selepas 1 Januari 2007, setiap sub-akaun mempunyai :

- A. Akaun 1 : 220,902.50 ; Akaun 2 : 94,672.50
- B. Akaun 1 : 284,017.50 ; Akaun 2 : 31,557.50
- C. Akaun 1 : 189,345.00 ; Akaun 2 : 126,230.00
- D. Akaun 1 : 157,787.50 ; Akaun 2 : 157,787.50

Jawapan C

Akaun 1 : 189,345 Akaun 2 : 94,672.50 + 31,557.50 = RM 126,230

- 25) PEUA F dari SPUA Z telah berjumpa dengan Azmi untuk memindahkan simpanan beliau dari KWSP ke SUA C yang diuruskan oleh SPUA Z pada 3 Februari 2008. Azmi berumur 28 tahun dan simpanan asasnya ialah RM14,000.00. Dalam simpanan Akaun 1, dia mempunyai RM20,000.00. Apakah amaun yang layak dipindahkan oleh Azmi dari KWSP?

- A. RM6,000.00
- B. RM1,200.00
- C. RM14,000.00
- D. RM20,000.00

Jawapan : B

Baki akaun 1 : RM20,000
Simpanan Asas : RM14,000

Jumlah yang Layak : RM 6,000

Jumlah maksimum yang dibenarkan (20% daripada Jumlah yang layak) : RM1,200

- 26) Sekiranya Azmi bersetuju untuk memindahkan baki akaun 1 ke dalam SUA C, apakah dokumen yang Azmi perlu berikan kepada SPUA Z ?

- I. Borang KWSP 9N (AHL) yang telah lengkap diisi
 - II. Satu salinan kad pengenalan yang telah disahkan salinan sebenar di mana bahagian depan & belakang telah difotokopi pada kertas A4 pada bahagian yang sama
 - III. Cap ibu jari kiri & kanan pelabur pada salinan diatas
 - IV. Borang permohonan dari SPUA Z untuk SUA C yang telah lengkap diisi
 - V. Pernyataan pendedahan risiko yang telah ditandatangani oleh pelabur
- A. I, II dan IV sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. I, II, III dan IV sahaja
 - D. Semua yang diatas

Jawapan C

Pelabur perlu menyediakan dokumen-dokumen yang dinyatakan di I, II, III dan IV. Pernyataan Pendedahan Risiko tidak diperlukan kerana pelabur melabur melalui Skim Pelaburan EPF dan bukannya membuat pinjaman pelaburan.

- 27) Setelah beberapa tahun melabur, Azmi ingin menjual unit yang dimiliki dalam SUA C. Antara berikut yang manakah TIDAK BENAR ?

- A. Hasil belian balik mestilah dibayar oleh SPUA Z terus kepada KWSP untuk dikreditkan semula ke dalam Akaun 1 pencarum.
- B. Hasil jualan unit akan dibayar kepada pelabur

- C. Pelabur yang memegang unit dalam SUA yang diperoleh dengan wang permohonan bersumberkan-KWSP boleh menjual unitnya pada bila-bila masa dan pada dengan cara biasa, tanpa perlu melengkapkan Borang KWSP 9F(3)
 - D. Sebarang agihan terakru kepada pemegang unit dari wang permohonan bersumberkan-KWSP akan dilabur secara automatik

Jawapan B

Pulangan belian balik tidak boleh dibayar kepada pelabur di mana ia akan dibayar terus kepada KWSP untuk dikreditkan dalam Akaun 1 pencarum. (bab 3, muka surat 3-19)

Jawapan D

Semua pelaburan alternatif dan ciri-cirinya diterangkan dengan betul.
(Bab 3, muka surat 3-24 sehingga 3-26)

- 29) Pelaburan ke dalam SUA boleh digunakan untuk mencapai matlamat jangkamasa panjang kecuali ;

 - A. Membeli rumah
 - B. Memenuhi kos pendidikan masa depan anak-anak
 - C. Boleh mendapat pulangan semalam seperti pelaburan saham secara langsung
 - D. Mengumpul tabung persaraan

Jawapan C

Keperluan Jangkamasa panjang seperti membeli rumah, memenuhi kos pendidikan masa depan anak-anak dan mengumpul tabung persaraan. Membuat keuntungan semalam akan merupakan keperluan jangkamasa panjang . (Bab 3, muka surat 3-30)

- 30) Seperti yang ditetapkan oleh SS, kandungan laporan tahunan SUA mesti merangkumi yang berikut kecuali ;

 - A. Penyata Kewangan SUA
 - B. Laporan Pengurus
 - C. Hak-hak pemegang unit
 - D. Laporan Juruaudit

Jawapan :C

Tidak diperlukan dalam laporan tahunan

Jawapan C

32) Sebagai PEUA yang berdaftar, Charles sedar tentang kepentingan untuk mematuhi peraturan, prosedur dan undang-undang, dan pematuhan adalah merupakan tanggungjawab semua di sebuah organisasi. Beliau mendapat manfaat daripada pematuhan kecuali ;

- A. Peningkatan dalam reputasi dan mudah untuk menarik pelanggan dan mengembangkan perniagaan
- B. Pengurangan risiko litigasi dari pelanggan
- C. Peluang untuk PEUA menambah pengetahuan mereka dalam hal terkini tentang obligasi undang-undang dan obligasi lain
- D. Peningkatan kepada aduan pelanggan

Jawapan D

Sepatutnya mengurangkan aduan pelanggan

33) Sebagai seorang PEUA, Shirley perlu mematuhi Kod Etika PEUA yang telah menggariskan beberapa perkara berikut kecuali:

- I. Kejujuran, maruah dan integriti
- II. Jawatan yang sesuai
- III. Iklan dan bahan promosi
- IV. Pelantikan orang berkelayakan
- V. Urus niaga yang adil

- A. I, II dan III sahaja
- B. II, III dan IV sahaja
- C. III, IV dan V sahaja
- D. Semua di atas

Jawapan : B

Jawatan yang sesuai, iklan dan bahan promosi dan pelantikan orang yang berkelayakan merupakan piawaian perilaku profesional bagi PEUA(Bab 4, muka surat 4-9,4-10)

34) Aduan boleh dirujuk oleh Pengarah Eksekutif PPUAM kepada Majlis PPUAM. Majlis boleh dalam masa _____

merujuk aduan tersebut kepada Jawatankuasa Siasatan yang telah dilantik untuk mengesahkan jika aduan tersebut sah atau berasas

- A. 14 hari urusniaga
- B. 6 hari urusniaga
- C. 14 hari kalendar
- D. 6 hari calendar

Jawapan A

PPUAM boleh dalam masa 14 hari urus niaga merujuk aduan tersebut kepada Jawatankuasa Siasatan. (Bab 4, muka surat 4-10)

35) Mengapa Pematuhan merupakan satu kelebihan kepada PEUA ?

- A. Membolehkan mereka untuk menambah pengetahuan serta meningkatkan reputasi mereka
- B. Agar pelaburan SUA akan berprestasi lebih baik
- C. Membolehkan mereka dinaikkan pangkat
- D. Agar mereka boleh lulus peperiksaan

Jawapan A (Bab 4, muka surat 4-2)

36) Berikut adalah pihak yang berdaftar dengan PPUAM kecuali ;

- I. SPUA
- II. PEUA
- III. PIUA
- IV. Pelabur

- A. I, II, dan III
- B. IV sahaja

- C. I, II dan III
- D. Tiada jawapan

Jawapan B

Pelabur tidak perlu berdaftar dengan PPUAM.(Bab 4,muka surat 5)

37) Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan perancangan kewangan yang efektif?

- I. Melindungi aset individu daripada kesan inflasi
- II. Memastikan pendapatan yang mencukupi apabila diperlukan
- III. Memberikan pelanggan perasaan ‘tidak perlu risau’ tentang kedudukan kewangan mereka
- IV. Jaminan pulangan yang tinggi kepada individu pada masa akan datang

- A. I, II, III
B. I, II, IV

- C. I, III, IV
D. II, III, IV

Jawapan A

IV. Perancangan kewangan tidak boleh menjamin pulangan yang tinggi untuk seseorang individu.(Bab 5, muka surat 5-2)

38) PEUA memainkan peranan penting di dalam perancangan pelaburan untuk pelanggan mereka. Maka, apakah yang TIDAK BOLEH PEUA lakukan untuk mengurangkan kekeliruan dan kerisauan pelanggan tentang keputusan pelaburan ?

- A. Mendidik pelanggan bahawa keputusan pelaburan mestilah didahulukan dan berdasarkan strategi pelaburan yang dirangka untuk mencapai matlamat kewangan dalam jangka masa tertentu
- B. Menasihati pelanggan untuk membuat pembiayaan untuk melabur
- C. Menasihati pelanggan untuk menggunakan kaedah purata kos dolar untuk meningkatkan pelaburan mereka
- D. Membincangkan & mencadangkan kelas pelaburan atau pelaburan tertentu

Jawapan B

PEUA tidak boleh secara langsung atau tidak langsung menggalakkan pelabur untuk meminjam untuk melabur dalam SUA, sepatutnya mendidik pelabur mengenai risiko meminjam untuk melabur dalam SUA.(Bab 1,muka surat 1-6)

39) Kenalpasti elemen-elemen penting mengenai konsep perancangan kewangan peribadi

- I. suatu proses
- II. komprehensif
- III. mencari utiliti maksimum
- IV. mengenali individu
- V. memaksimakan pulangan untuk ejen
- VI. mengetahui kitaran kehidupan

- A. I, III, IV, V, VI
B. I, II, III, IV, VI

- C. I, II, IV, V, VI
D. II, III, IV, V, VI

Jawapan B

Bab 5 muka surat 5-2 untuk ciri perancangan kewangan peribadi.

Untuk soalan 40 dan 41,

Kadar cukai	: 20%
Kadar inflasi	: 4.5%
Kadar pulangan	: 11%

40) Apakah kadar pulangan efektif selepas cukai dan inflasi ?

- A. 4.5%
B. 4%
C. 4.3%
D. 4.2%

Jawapan C

$$\begin{aligned}\text{Pulangan berkesan selepas cukai} &= 11\% - (11\% \times 20\%) \\ &= 11\% - 2.2\% \\ &= 8.8\%\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Pulangan berkesan selepas cukai \& inflasi} &= 8.8\% - 4.5\% \\ &= 4.3\%\end{aligned}$$

41) Andaikan kadar inflasi meningkat kepada 4.8%, berapakah kadar pulangan efektif ?

- A. 4.5%
B. 4%

- C. 4.3%
D. 4.2%

Jawapan B

$$\begin{aligned}\text{Pulangan berkesan selepas cukai} &= 11\% - (11\% \times 20\%) \\ &= 11\% - 2.2\% \\ &= 8.8\%\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Pulangan berkesan selepas cukai \& inflasi} &= 8.8\% - 4.8\% \\ &= 4.0\%\end{aligned}$$

42) Berdasarkan kepada soalan 40 & 41, apakah kesimpulan yang boleh dibuat ?

- I. Kadar inflasi akan menghakis kadar pulangan efektif
 - II. Kadar cukai tidak akan memberi kesan ke atas kadar pulangan
 - III. Untuk memastikan kadar pulangan berkesan positif, pelabur harus memastikan kadar pulangan berkesan selepas cukai adalah lebih tinggi dari kadar inflasi
- A. I, III
B. III sahaja
- C. I, II
D. I, IV

Jawapan A

Cukai dan inflasi akan memberi kesan negatif ke atas pulangan, untuk mendapat kesan positif untuk pulangan, pastikan pulangan berkesan selepas cukai lebih tinggi dari kada inflasi.(Bab 5,ms 12)

43) Sebuah rumah bernilai RM150,000 pada tahun 1990 tetapi meningkat kepada RM300,000 pada tahun 2005. Apakah kadar inflasi selepas 15 tahun ini ?

- A. 4.8%
B. 4.3%

- C. 4.5%
D. 4.6%

Jawapan A

$$72/15 = 4.8\%$$

44) Apakah perbezaan nilai RM135,500 dalam masa 4 dan 5 tahun dengan kadar inflasi 4.5% setahun ?

- A. RM7,374.85
B. RM7,271.38
- C. RM7,438.78
D. RM7,598.59

Jawapan B

$$\begin{aligned}\text{Nilai selepas 4 tahun} &= \text{RM135,500}(1+4.5\%)^4 \\ &= \text{RM161,586.27}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Nilai selepas 5 tahun} &= \text{RM135,500}(1+4.5\%)^5 \\ &= \text{RM168,857.65}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Perbezaan di antara 4 tahun dan 5 tahun:} \\ &= \text{RM168,857.65} - \text{RM161,586.27} \\ &= \text{RM7,271.38}\end{aligned}$$

Soalan 45 dan 46

Pelaburan sekali gus	: RM120,000.00
Bayaran perkhidmatan awal	: 6%
Yuran pengurusan berterusan	: 1.4%
Kadar pulangan	: 12%

45) Berapakah nilai pelaburan selepas 5 tahun ?

- A. RM187,348.85
B. RM186,674.39
- C. RM183,544.34
D. RM185,647.93

Jawapan A

$$\begin{aligned}\text{Gunakan formula } FV &= PV (1 + i)^n \\ PV, \text{ wang kerja} &= \text{RM120,000}/(1+6\%) \\ &= \text{RM113,207.55}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}i, \text{ Pulangan berkesan} &= 12\% - 1.4\% \\ &= 10.6\%\end{aligned}$$

$$n, \text{ tempoh, tahun} = 5$$

$$\begin{aligned}FV &= PV (1 + i)^n \\ &= \text{RM113,207.55}(1 + 10.6\%)^5 \\ &= \text{RM113,207.55}(1 + 0.106)^5\end{aligned}$$

$$= \text{RM}187,348.85$$

Nilai pelaburan selepas 5 tahun ialah RM187,348.85

- 46) Andaikan bayaran pengurusan berterusan meningkat ke 1.5%, daripada 1.4% berapakah nilai pelaburan selepas 5 tahun ?
- A. RM185,831.99
 - B. RM186,831.89
 - C. RM185,342.77
 - D. RM186,503.41

Jawapan D

Gunakan formula $FV = PV (1 + i)^n$

$$\begin{aligned} PV, \text{ wang kerja} &= \text{RM}120,000/(1+6\%) \\ &= \text{RM}113,207.55 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} i, \text{ Pulangan berkesan} &= 12\% - 1.5\% \\ &= 10.5\% \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} n, \text{ tempoh, tahun} &= 5 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} FV &= PV (1 + i)^n \\ &= \text{RM}113,207.55(1 + 10.5\%)^5 \\ &= \text{RM}113,207.55(1 + 0.105)^5 \\ &= \text{RM}186,503.41 \end{aligned}$$

Nilai pelaburan selepas 5 tahun ialah RM186,503.41

- 47) Antara berikut yang manakah merupakan strategi untuk membangunkan pasaran modal Islam ?
- I. Mewujudkan pasaran yang berdaya maju bagi pengembangan tabung Islam yang berkesan
 - II. Mempertingkat pengiktirafan nilai pasaran modal Islam Malaysia di peringkat antarabangsa
 - III. Memudahkan pembangunan pelbagai produk dan khidmat pasaran modal Islam yang inovatif dan berdaya saing
 - IV. Meningkatkan kumpulan kepakaran dalam pasaran modal Islam
- A. I, II, III
 - B. II, III, IV
 - C. I, III, IV
 - D. Semua yang diatas

Jawapan D

(Bab 6, muka surat 6-2)

- 48) Antara berikut, yang manakah TIDAK BENAR mengenai SUA Islam ?
- A. SPUA bertanggungjawab untuk melantik JK Syariah untuk memastikan SUA Syariah diurus mengikut keperluan Syariah
 - B. JK berdaftar dengan SS dan harus diperbaharui setiap 3 tahun
 - C. Setiap laporan SUA Syariah mesti mengandungi laporan JK/Penasihat Syariah
 - D. Terminologi yang digunakan dalam surat ikatan & prospektus konvensional yang tidak sejajar dengan prinsip Syariah, seperti instrumen berdasarkan faedah & pendapatan faedah; mesti dielakkan daripada Surat Ikatan & Prospektus dana yang berdasarkan Syariah

Jawapan C

Hanya laporan Interim dan Tahunan yang memerlukan laporan daripada Jawatankuasa/Penasihat Syariah.(Bab 6, muka surat 6-5)

- 49) Antara berikut, yang manakah TIDAK BENAR mengenai SUA Islam?
- A. Wakalah (agensi) – kontrak wujud antara Pemegang Unit & Pemegang Amanah, ia menyatakan bahawa pemegang amanah bertindak bagi pihak pemegang unit untuk menjadi penjaga tabung amanah dan demi melindungi kepentingan pemegang unit
 - B. Wadiyah Yad-Dhamanah (jagaan terjamin) – kontrak wujud antara Pemegang Unit & SPUA, ia menyatakan bahawa pemilik unit adalah pelabur; penjaga adalah SPUA & kontrak dilaksanakan apabila SPUA menerima bayaran bagi pelaburan
 - C. Kontrak Musyarakah wujud di kalangan pemegang unit bagi urus niaga dalam instrumen yang ditetapkan, dengan niat bahawa keuntungan yang diperoleh akan dikongsi di kalangan mereka mengikut sumbangan modal masing-masing atau nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui

- D. Wadiyah Yad-Dhamanah (selepas unit diwujudkan) – kontrak wujud antara pemegang unit dan pemegang amanah dan bertindak selepas SPUA menerima bayaran pelaburan

Jawapan D

Wadiyah Yad-Dhamanah (selepas unit diwujudkan) ialah kontrak yang wujud sebaik sahaja pemegang unit membeli unit dan SPUA mendepositkan pelaburan dengan pemegang amanah. (Bab 6, ms 7)

50) Antara berikut penyataan manakah yang BENAR tentang risiko ketidakpatuhan Syariah ?

- A. Risiko ini wujud apabila SPUA, secara tidak sengaja, melabur dalam sekuriti tidak patuh Syariah
- B. Risiko ini wujud apabila sekuriti patuh Syariah diklasifikasikan sebagai sekuriti tidak patuh Syariah
- C. Risiko ini wujud apabila SPUA melabur tanpa mengikuti syarat-syarat pelaburan Syariah
- D. Risiko ini wujud apabila SUA Konvensional melabur dalam sekuriti patuh Syariah

Jawapan B

Risiko ketidakpatuhan Syariah berlaku apabila sekuriti patuh Syariah dikelaskan semula sebagai sekuriti tak patuh Syariah.(Bab 6,ms 8)

51) Antara berikut yang manakah merupakan risiko yang hanya akan memberi impak kepada SUA Syariah berbanding dengan SUA Konvensional ?

- I. Risiko ketidakpatuhan
 - II. Risiko pasaran
 - III. Risiko negara
 - IV. Risiko kegagalan membayar
- A. I sahaja C. I, III
B. III, IV D. IV sahaja

Jawapan A

Risiko ini hanya didedahkan untuk SUA yang berteraskan Syariah, berlaku apabila sekuriti patuh Syariah dikelaskan semula sebagai sekuriti tak patuh Syariah.(Bab 6,muka surat 8)

52) Antara berikut penyataan yang manakah TIDAK BENAR ?

- A. Perlantikan JK/Penasihat Syariah mesti diluluskan oleh SS
- B. Ahli JK Syariah mesti memiliki kelayakan, kepakaran dan pengalaman yang perlu, terutamanya dalam fiqh muamalah dan perundangan Islam
- C. Kesemua AJK Syariah mesti digaji sepenuh masa untuk bertanggungjawab terhadap hal-hal Syariah berkaitan dengan dana
- D. AJK Syariah mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 ahli individu yang tidak mempunyai hubungan dengan syarikat pengurusan

Jawapan C

Syarikat mestilah menggaji minimum seorang pegawai masa sepenuh masa yang ditetapkan untuk bertanggungjawab terhadap hal-hal Syariah.(Bab 6, muka surat 11)

53) Antara berikut yang manakah TIDAK BENAR mengenai Kajian Semula Pematuhan Syariah ?

- A. SS akan mengumpulkan maklumat tentang syarikat daripada berbagai-bagi sumber, seperti laporan kewangan tahunan syarikat, borang tinjauan dan melalui pertanyaan yang dibuat kepada pengurusan syarikat tersebut sebelum menentukan status syarikat dari perspektif Syariah.
- B. SS akan menilai klasifikasi pematuhan sekuriti dan ketidakpatuhan sekuriti setiap 3 bulan
- C. Syarikat di mana aktiviti utamanya melibatkan insurans konvensional akan diklasifikasikan sebagai sekuriti tidak patuh
- D. Tertakluk kepada syarat tertentu, syarikat yang terlibat dalam aktiviti yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah akan dikelaskan sebagai sekuriti patuh

Jawapan B

SS akan menyemak setiap 6 bulan. (hari Jumaat terakhir bulan April dan Oktober setiap tahun) [Bab 6,muka surat 13]

54) Bilakah bon Islam yang pertama diterbitkan ?

- A. 1990
- B. 1989
- C. 1988
- D. 1992

Jawapan A

Dilancarkan pertama kali oleh Shell MDS Sdn Bhd pada tahun 1990. (Bab 6, muka surat 6-3)

55) Apakah maksud Musyarakah dalam kontrak Syariah ?

- A. Ia adalah kontrak di antara pelabur (pemegang unit) dan pengurus tabung untuk menguruskan pelaburan pada nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui
- B. Ia adalah kontrak dikalangan pelabur (pemegang unit) bagi urus niaga dalam instrumen yang ditetapkan, dengan niat bahawa keuntungan yang diperoleh akan dikongsi di kalangan mereka mengikut sumbangan modal masing-masing atau nisbah perkongsian yang dipersetujui
- C. Ia adalah kontrak pengurus tabung untuk menguruskan pelaburan pada nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui
- D. Ia adalah kontrak pemegang amanah untuk menguruskan pelaburan pada nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui

Jawapan B

Kontrak musyarakah wujud dikalangan para pelabur bagi urus niaga dalam instrumen yang ditetapkan, dengan niat bahawa keuntungan yang diperoleh akan dikongsi di kalangan mereka mengikut sumbangan modal masing-masing atau nisbah perkongsian keuntungan lain yang dipersetujui.(bab 6,muka surat 7)

56) Apakah tugas utama Jawatankuasa/Penasihat Syariah ?

- A. JK Syariah dibenarkan untuk bertindak bagi pihak pengurus tabung dan memutuskan pelaburan yang harus dibuat oleh SUA
- B. JK Syariah mesti melapor kepada SS setiap 3 bulan
- C. JK Syariah mesti memastikan tabung diurus dan ditadbir mengikut prinsip Syariah
- D. JK harus menangani apa-apa aduan yang dibuat oleh pemegang unit

Jawapan C

Penasihat Syariah memastikan semua aktiviti SUA berteraskan Syariah mematuhi keperluan Syariah.(Bab 6,muka surat 12)

57) Antara berikut yang manakah BUKAN tanggungjawab Jawatankuasa/Penasihat Syariah untuk memastikan pengurusan SUA Syariah patuh kepada keperluan Syariah ?

- A. Laporan tahunan & interim
- B. Surat ikatan
- C. Prospektus
- D. Maklumat pemegang unit

Jawapan D

Tugas memeriksa maklumat pemegang unit bukan tanggungjawab Penasihat Syariah.(Bab 6,muka surat 12)

58) Apakah maksud BAI dalam kontrak pemegang unit dan SPUA ?

- A. Kontrak jualan & belian antara pemegang amanah dan pemegang unit
- B. Kontrak jualan & belian antara SPUA dan pemegang unit
- C. Kontrak jualan & belian antara pemegang amanah dan SPUA
- D. Tiada jawapan

Jawapan B

Bai ialah kontrak jual beli yang dilaksanakan antara pemegang unit dengan SPUA, yang biasanya berdasarkan bayaran tunai. (Bab 6,muka surat 7)

Set 1 BM Questions & Answers 010808

Cik Alisa menerima waran pengagihan seperti berikut:

TRUSTEE COMPANY BERHAD
PEMEGANG AMANAH BAGI DANA IMBANG DEF
 Waran pengagihan

No. Waran	Bil. Unit	Tahun Berakhir	No. Pengagihan	Tarikh Pembayaran
765432	12,000.00	30 Ogos 200X	78	6 Oktober 200X

PENDAPATA N BOLEH CUKAI	CUKAI		PERBELANJAAN TAK DIBENARKAN	TIDAK DIKENAKAN CUKAI	PENYAMAA N PENGAGIHA N	JUMLAH BERSIH PERLU DIBAYAR
	MALAYSIA	ASING				
32.00	8.96	-	17.00	305.75	(a)	(b)

- 59) Kira amaun penyamaan pengagihan (a) sekiranya pendapatan tak diagih untuk dana imbang DEF ialah RM175,000 dan Nilai Aset Bersih dana ialah RM70,000,000.
- A. RM30.00
 - B. RM300.00
 - C. RM3,000.00
 - D. RM30,000.00

Jawapan A

$$\begin{aligned}
 \text{Penyamaan Pengagihan} &= \frac{\text{Pendapatan tak diagih}}{\text{Nilai Aset Bersih Dana}} \\
 &= \frac{\text{RM175,000}}{\text{RM70,000,000}} \\
 &= \text{RM0.0025 sen seunit}
 \end{aligned}$$

$$12,000 \text{ unit} \times \text{RM0.0025} = \text{RM30.00}$$

- 60) Kira jumlah bersih perlu dibayar (b) yang akan diterima oleh Cik Alisa
- A. RM341.79
 - C. RM3,311.79

B. RM611.79

D. RM30,311.79

Jawapan A

Pendapatan Boleh Cukai (Cukai Malaysia)	32.00
(Perbelanjaan Tak Dibenarkan)	(8.96)
Tidak dikenakan cukai	(17.00)
Penyamaaan Pengagihan (jika ada)	305.75
	30.00

341.79



PUBLIC MUTUAL PUBLIC MUTUAL



PUBLIC MUTUAL PUBLIC MUTUAL